



**KEM EKSPLORASI:** Penasihat masjid, pengarah program, ahli jawatankuasa program, fasilitator dan peserta Kem Eksplorasi Ibadah.

# 10 fasilitator UMS dijemput ke program Kem Eksplorasi Ibadah

UB 9/11/20 15

**KOTA KINABALU:** Seramai 10 orang fasilitator daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dan Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah, Kolej Kediaman Excellent dijemput dalam sebuah program Kem Eksplorasi Ibadah di Masjid Siasai Jaya, Kota Belud.

Program ini diadakan selama sehari bermula pada

jam 7 pagi hingga jam 5.30 petang dan disertai oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah yang berumur 7 hingga 12 tahun.

Program ini bertujuan memberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai solat, wudhuk, azan dan iqamat kepada peserta.

Pengarah Program Ustaz Mohd Azmal Huzaimie Kamarul Zamal menyen-

takan bahawa matlamat program ini adalah untuk melahirkan anak-anak yang cemerlang dengan menjadikan Islam sebagai amalan dalam kehidupan seharian dalam menuntut ilmu.

Penasihat masjid Ustaz Umar Jiman merasmikan majlis perasmian penutupan Kem Eksplorasi Ibadah dan berharap agar para peserta dapat mempelajari dan mempraktikkan yang

telah dipelajari sepanjang program ini.

Antara pengisian yang dilaksanakan sepanjang program ini ialah beberapa slot ceramah iaitu rukun solat, wudhuk, azan dan iqamat, serta aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK).

Program ini sesuai dilaksanakan oleh setiap kampung agar dapat melahirkan anak muda yang mempunyai ilmu agama yang mantap.